

Headline **Syabas rai golongan memerlukan**
Date **28 Sep 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S31**
Article Size **292 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,606**
PRValue **4,818**



Syabas rai golongan memerlukan

SHEMA ABAS

KUALA LUMPUR – 100 anak yatim empat rumah anak yatim seluruh Selangor dan Kuala Lumpur menerima sumbangan sempena Aidilfitri anjuran Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) dan Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya (Peka) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2010.

Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Abdul Halem Mat Som berkata, sumbangan berbentuk duit raya itu adalah antara tanggungjawab korporat syarikat khususnya dalam membantu golongan memerlukan.

Menurutnya, pihaknya berharap sumbangan itu dapat membantu meringankan beban penerima kurang bernasib baik.

"Sumbangan ini juga adalah komitmen dan keprihatinan Syabas dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan supaya dapat mengurangkan bebanan dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

"Majlis ini juga merupakan kesinambungan terhadap usaha Syabas dalam memupuk dan mengeratkan lagi hubungan antara pihak pengurusan Syabas dan PNSB dengan kakitangan yang berlainan agama, budaya dan keturunan," katanya pada majlis berkenaan di sini, baru-baru.

Empat rumah anak yatim dan golongan kurang bernasib baik ialah Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (Ractar), Rumah Anak Yatim Shifa, Rumah Bakti Nur Syaheera dan

Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/ AIDS Nurul Iman (Pernim) serta individu yang dipilih Syabas dan PNSB.

Katanya, sumbangan kepada anak yatim, majlis itu adalah penutup kepada 49 program

tanggungjawab korporat Syabas di sepuluh wilayah sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Hadir sama pada majlis berkenaan adalah Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali

Ismail; Ketua Pengawai Eksekutif Syabas, Datuk Ruslan Hassan dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Dr Hasan Ali.



■ Rozali melayan anak yatim pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2010.